

## PERANAN PROGRAM AGROPOLITAN RUNCHANG DALAM MEMPERKASAKAN KUALITI HIDUP ORANG ASLI

*(THE ROLE OF RUNCHANG AGROPOLITAN PROGRAM IN  
EMPOWERING THE QUALITY OF LIFE OF ORANG ASLI)*

Mohd Hafizul Mat Rahim, Noordeyana Tambi & Zaizul Ab Rahman

### Abstrak

---

Orang Asli merupakan masyarakat peribumi yang tergolong dalam kumpulan minoriti di Malaysia. Masyarakat Orang Asli ini kebiasaannya menetap di kawasan luar bandar khususnya di kawasan pedalaman atau pinggir bandar. Masyarakat Orang Asli sering dianggap ketinggalan dalam arus pembangunan dan permodenan termasuk terpinggir daripada menikmati kemudahan asas elektrik dan bekalan air terawat. Justeru, Program Agropolitan merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap kualiti hidup. Program Agropolitan Runchang yang terletak di daerah Pekan, Pahang merupakan satu-satunya projek yang dilaksanakan di bawah inisiatif ini yang memberi fokus kepada masyarakat Orang Asli sebagai pesertanya. Bagi menghuraikan lebih lanjut isu pemerksaan Orang Asli ini, satu penyelidikan telah dilakukan bagi mengenal pasti peranan Program Agropolitan Runchang dalam memperkasakan kualiti hidup Orang Asli. Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengambil kira pandangan daripada 63 responden peserta Orang Asli Agropolitan Runchang. Aspek yang diukur dalam kajian ini adalah elemen pemerksaan ekonomi dan elemen pemerksaan sosial yang dilaksanakan di Agropolitan Runchang dan persepsi kualiti hidup oleh responden. Elemen pemerksaan ekonomi digunakan untuk melihat aspek pemerksaan yang terdiri daripada indikator pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja dan pendidikan. Elemen pemerksaan sosial pula adalah untuk melihat aspek pemerksaan yang terdiri daripada indikator kesihatan, perumahan, alam sekitar dan keselamatan awam. Persepsi kualiti hidup pula diukur bagi melihat penilaian responden terhadap kualiti hidup mereka setelah menyertai Agropolitan Runchang. Hasil kajian mendapati, penilaian elemen pemerksaan ekonomi dan sosial dalam Program Agropolitan Runchang berada pada tahap tinggi manakala persepsi kualiti hidup responden juga dinilai pada tahap tinggi. Oleh itu, impak kajian ini membuktikan bahawa pemerksaan kualiti hidup Orang Asli dapat ditingkatkan melalui pemerksaan ekonomi dan sosial.

---

**Kata Kunci:** Pemerksaan ekonomi; pemerksaan sosial; kualiti hidup; Orang Asli; pembangunan komuniti.

### Abstract

---

*Orang Asli or indigenous people are the community that belongs to a minority group in Malaysia. These Orang Asli communities usually live in rural areas, especially in rural or suburban areas. These Orang Asli communities are often considered to be left behind in the*

current development and modernization, including being marginalized from enjoying basic electricity and treated water supply. Thus, the Agropolitan Program is one of the Government's initiatives to eradicate poverty and improve the quality of life. The Runchang Agropolitan Program which is located at Pekan District, Pahang is the only project implemented under this initiative that focuses on the Orang Asli community as its participants. To further elaborate on the issue of Orang Asli empowerment, a research had been conducted to identify the role of the Runchang Agropolitan Program in empowering the quality of life of the Orang Asli. This study has adopted a quantitative method by taking into account the views of 63 respondents of Orang Asli who are the Runchang Agropolitan participants. Aspects measured in this study are the economic empowerment element and the social empowerment element which had been implemented in Agropolitan Runchang and also the perception of quality of life by the respondents. The economic empowerment element is used to look at aspects of empowerment consisting of three (3) indicators which are income and distribution, working environment and education. The element of social empowerment is used to look at the aspects of empowerment which consist of four (4) indicators which are health, housing, environment and public safety. Perceptions of quality of life were measured to see the respondents' assessment of their quality of life after participating in Agropolitan Runchang Program. The results of the study found that the element of economic and social empowerment is at a high level while respondents' perception of quality of life was also assessed at a high level. Therefore, the impact of this study proves that the empowerment of the quality of life of the Orang Asli can be improved through economic and social empowerment.

---

**Keywords:** *Economy empowerment; social empowerment; quality of life; orang asli; community development*

## PENGENALAN

Program Agropolitan merupakan antara inisiatif kerajaan yang telah dimulakan secara berperingkat sejak dari tahun 2007 untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar. Program Agropolitan ini telah pun dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak dengan dipelopori oleh dua (2) kementerian utama iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Program Agropolitan yang diterajui oleh KPLB dilaksanakan oleh agensi di bawah KPLB iaitu Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) manakala Program Agropolitan yang diterajui oleh JPM pula dilaksanakan oleh agensi di bawah JPM iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Setiap Program Agropolitan ini mempunyai model pelaksanaan aktiviti ekonomi yang berbeza mengikut pemilik dan lokaliti program tersebut seperti tanaman sawit, tanaman getah, ternakan ikan dan ternakan kambing. Walau bagaimanapun, hanya Program Agropolitan Runchang yang terletak di daerah Pekan, Pahang di bawah seliaan ECERDC yang dikhususkan untuk komuniti Orang Asli sebagai peserta program. Menurut Yusuf et al. (2014), matlamat utama Program Agropolitan adalah untuk menghapuskan miskin tegar dalam kalangan rakyat tempatan sekali gus meningkatkan kualiti hidup peserta daripada aspek pendapatan, pengalaman dan tahap kepuasan peserta.

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat peribumi yang tergolong dalam kumpulan minoriti di Malaysia. Masyarakat Orang Asli ini kebiasaannya menetap di kawasan luar bandar khususnya di kawasan pedalaman atau pinggir bandar. Kebanyakan masyarakat Orang Asli masih mengamalkan cara hidup tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang mereka iaitu tinggal di kawasan hutan dengan kemudahan asas yang minimum dan bergantung kepada hasil hutan untuk menyara diri dan keluarga. Masyarakat Orang Asli di Malaysia diberikan keistimewaan melalui Perkara 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan dan dilindungi di bawah Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 1974). Secara umumnya, masyarakat Orang Asli di Malaysia ini terbahagi kepada tiga (3) suku utama iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Setiap suku utama ini kemudiannya akan dipecahkan lagi kepada 6

kumpulan etnik menjadikan keseluruhan kumpulan etnik bagi masyarakat Orang Asli di Malaysia adalah sebanyak 18 kumpulan etnik (Tarmiji et al. 2013). Masyarakat Orang Asli di Malaysia sering dianggap ketinggalan dalam arus pembangunan dan permodenan. Lokasi penempatan masyarakat Orang Asli ini lazimnya berada di kawasan luar bandar iaitu di kawasan pedalaman dan pinggir bandar. Menurut Haliza (2018), rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli pada tahun 2013 menunjukkan 99.3% daripada keseluruhan 853 buah kampung Orang Asli terletak di kawasan pedalaman (37.8%) dan pinggir bandar (61.5%) seperti di Jadual 1. Namun begitu, data taburan Orang Asli mengikut negeri dan taburan etnik pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan penempatan Orang Asli dalam semua negeri, seperti dalam Jadual 2.

Jadual 1. Taburan Penempatan Orang Asli di Malaysia

Negeri	Pedalaman	Pinggir	Bandar	Jumlah Kampung	Jumlah Penduduk
Pahang	113	148	1	262	64,443
Perak	112	143	0	255	53,299
Kelantan	73	45	0	118	13,457
Selangor	0	70	4	74	17,587
Negeri Sembilan	4	64	0	68	10,563
Johor	20	37	1	58	15,841
Melaka	0	14	0	14	1,844
Terengganu	0	3	0	3	893
Kedah	0	1	0	1	270
<b>Jumlah</b>	<b>322 (37.8%)</b>	<b>525 (61.5%)</b>	<b>6 (0.7%)</b>	<b>853</b>	<b>178,197</b>

Sumber: JAKOA (2013)

Jadual 2. Taburan Etnik Orang Asli mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Melayu Proto	Negrito	Senoi	Jumlah Penduduk
Pahang	42,887	2	71	80,620
Perak	653	2,796	58,140	61,589
Kelantan	89	2,143	16,668	18,900
Selangor	16,003	6	5,682	21,691
Negeri Sembilan	12,349	3	125	12,477
Johor	16,451	2	71	16,524
Melaka	2,001	1	31	2,033
Terengganu	85	40	925	1,050
Kedah	13	290	28	331
<b>Jumlah</b>	<b>90,531</b>	<b>6,546</b>	<b>118,138</b>	<b>215,215</b>

\*Data sehingga 31 Disember 2023

Sumber: JAKOA (2023)

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli agar tidak ketinggalan dengan agenda pembangunan negara. Walau bagaimanapun, usaha-usaha kerajaan sebelum ini dilihat masih tidak mampu untuk melonjakkan kualiti hidup Orang Asli. Disebalik segala usaha gigih kerajaan dalam memajukan masyarakat Orang Asli, jurang cabaran dalam kehidupan diantara masyarakat perdana dan juga masyarakat Orang Asli dilihat masih jauh, bahkan terdapat tanda-tanda bahawa jurang ini saban tahun semakin melebar (Junaidi et al. 2016; Yew 2015; Yew et al. 2018).

Seiring dengan usaha kerajaan, ramai penyelidik-penyelidik tempatan telah menyumbang kepakaran mereka dalam menghasilkan pelbagai kajian yang berkait rapat dengan kesejahteraan dan tahap kualiti hidup Orang Asli. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik ini lebih memfokuskan kepada kehidupan Orang Asli secara umum. Namun demikian, terdapat juga penyelidikan-penyelidikan yang mengkaji tahap kualiti hidup Orang Asli ini melalui kaedah yang lebih menyeluruh (Yew et al. 2018; Mohd Fauzi & Nor Aini 2012). Setakat ini, dapatan kajian penyelidik-penyelidik ini mendapati bahawa tahap kualiti hidup masyarakat Orang Asli masih lagi berada pada tahap yang rendah. Kajian yang dibuat oleh Mohd Fauzi dan Nor Aini (2012) telah menggunakan indeks kualiti hidup berwajaran bagi mengukur tahap kualiti hidup Orang Asli. Indeks yang dibangunkan ini adalah termasuk penilaian daripada aspek kemudahan asas, pemilikan rumah dan kenderaan, sanitasi dan penyakit serta kebolehan hidup bermasyarakat. Kajian yang dibuat oleh Yew et al. (2018) pula menilai tahap kualiti hidup Orang Asli daripada aspek pemilikan harta benda, kemudahan asas, kehidupan berkeluarga, kesihatan dan kerohanian, berk komuniti dan bermasyarakat serta aspek pemerikasaan kehidupan. Aspek pemerikasaan kehidupan ini turut merangkumi keupayaan menjana pendapatan dan peluang pekerjaan yang diwujudkan hasil daripada usaha komuniti.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai aspek peningkatan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang menyertai Program Agropolitan Runchang bermula daripada pengambilan pertama peserta Orang Asli seramai 30 orang pada tahun 2009. Jumlah peserta Orang Asli ini kemudiannya bertambah secara berperingkat pada tahun 2012 apabila kesemua infrastruktur di Agropolitan Runchang siap dibina (Alagesh 2014). Program ini diwujudkan dengan tujuan untuk menghapuskan miskin tegar dalam kalangan rakyat tempatan dan dilihat sebagai satu inisiatif kerajaan untuk memperkasakan Orang Asli. Program Agropolitan Runchang melaksanakan aktiviti ekonomi berbentuk ternakan dan penjualan bebiri daripada baka Dorper. Peserta Orang Asli ini melakukan kerja-kerja yang merangkumi pemetongan dan penyelenggaraan rumput *fodder*, memproses rumput *fodder* untuk makanan ternakan, menjaga ternakan, memastikan kebersihan kandang ternakan dan membersihkan kawasan persekitaran Agropolitan Runchang. Kesemua peserta Orang Asli yang menyertai Program Agropolitan Runchang ini disediakan kemudahan tempat tinggal yang lengkap dengan infrastruktur asas seperti jalan berturap, parit, bekalan air terawat dan bekalan elektrik serta kemudahan infrastruktur awam seperti taman permainan, dewan dan tadika.

Pemilihan peserta Program Agropolitan Runchang ini dipilih dan dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri Pahang daripada kumpulan masyarakat Orang Asli suku Jakun yang tinggal di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Runchang. Kebanyakan masyarakat Orang Asli mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah dan kumpulan ini juga kurang menekankan aspek pendidikan dalam kalangan generasi mudanya kerana ibu bapa Orang Asli lebih cenderung untuk mengajak anak-anak mereka membantu menambah pendapatan keluarga (Mohd Johdi & Abdul Razak 2009). Justeru, inisiatif Program Agropolitan Runchang mempunyai cabaran yang besar untuk memperkasakan Orang Asli ini bukan sahaja daripada aspek peningkatan pendapatan, bahkan daripada aspek pendidikan bagi meningkatkan tahap kualiti hidup mereka.

Namun demikian, semenjak Program Agropolitan Runchang ini beroperasi dari tahun 2009, matlamat untuk memperkasakan Orang Asli yang menjadi peserta program ini bagi meningkatkan tahap kualiti hidup masih belum dapat dipastikan. Maka satu kajian wajar untuk dilakukan bagi menilai tahap kualiti hidup Orang Asli yang menjadi peserta Program Agropolitan Runchang terutamanya daripada aspek pemerikasaan ekonomi dan sosial. Penelitian daripada aspek-aspek ini akan menentukan sama ada pemerikasaan masyarakat Orang Asli melalui Program Agropolitan Runchang telah berjaya dilaksanakan atau pun tidak. Dapatan kajian juga membolehkan penyelidik untuk

mengenal pasti sekiranya ada usaha-usaha tambahan bagi menjayakan matlamat pemerksaan Orang Asli ini.

### **Program Agropolitan**

Program Agropolitan merupakan satu kaedah yang dilaksanakan dalam perancangan pembangunan luar bandar. Ciri-ciri utama Program Agropolitan adalah merangkumi pembangunan bersepadu yang melibatkan pembangunan fizikal dan sistem sokongan institusi dengan penggunaan optimum sumber tempatan serta menggabungkan aktiviti agrikultur dan aktiviti berasaskan sumber. Menurut Friedman dan Douglas (1978), ciri-ciri Agropolitan adalah merangkumi perkara berikut:

- (i) skala geografi yang agak kecil;
- (ii) proses perancangan dan membuat keputusan autonomi dan bebas berdasarkan penyertaan masyarakat tempatan;
- (iii) kepelbagaian tenaga kerja luar bandar di sektor pertanian dan bukan pertanian, menekankan pertumbuhan industri kecil;
- (iv) kewujudan hubungan fungsi industri luar bandar - bandar dan hubungan dengan sumber ekonomi tempatan; dan
- (v) penggunaan dan meningkatkan keupayaan sumber dan teknologi tempatan.

Agropolitan akan mentransformasi kawasan pinggir bandar melalui kaedah penyesuaian urbanisasi dengan persekitaran luar bandar atau dengan kata lainnya membangunkan kawasan penempatan sedia ada kepada bentuk hybrid yang dikenali sebagai Agropolis atau bandar dalam ladang (Friedman & Douglass 1978). Friedman (1979) turut memperkenalkan model perancangan radikal yang berasaskan dekolonisasi, pendemokrasian, pemerksaan individu dan ketersampaian. Pendekatan Agropolitan yang diperkenalkan ini adalah dengan menekankan aspek penempatan semula pengeluaran utama dan pengilang dan mencadangkan pembangunan luar bandar dengan menghubungkan pengeluaran dan pengedaran dalam sebuah kawasan setempat.

Program Agropolitan bukanlah satu inisiatif yang baharu dilaksanakan. Sejak diperkenalkan, beberapa buah negara seperti Indonesia, Nepal, Nigeria, Iran dan Korea telah menggunakan konsep tersebut dan disesuaikan dengan keadaan masyarakat tempatan sebagai satu inisiatif pembangunan luar bandar seperti di Jadual 2. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam sesebuah Program Agropolitan turut mengambil kira faktor lokaliti, budaya dan latar belakang masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, terdapat kawasan-kawasan yang melaksanakan aktiviti perladangan seperti getah, kopi dan kelapa sawit, tanaman sayur-sayuran seperti kentang, cili, kacang, jagung dan sebagainya, ternakan seperti lembu dan kambing serta aktiviti perikanan seperti sangkar ikan, rumpai laut, gamat dan sebagainya.

Menurut Bhishna (1995), pembangunan pekan kecil luar bandar perlu mengambil kira pembangunan agrikultur di kawasan sekitarnya agar kegiatan ekonomi dapat dirancarkan melalui peningkatan permintaan dan pembekalan. Kajian Fasoranti (2006) menunjukkan bahawa pelaksanaan *Agricultural Development Programme* (ADP) yang merupakan sebuah program berkonsepkan Agropolitan di Nigeria telah berjaya meningkatkan kualiti sosial dalam kalangan peserta melalui peluang dan kemudahan yang disediakan, peningkatan kesedaran kaedah pertanian moden melalui latihan dan kursus serta peningkatan pemilikan kemudahan moden seperti kereta, motosikal, radio, basikal dan sebagainya.

Jadual 2. Pelaksanaan Agropolitan di Dunia

<b>Bil.</b>	<b>Agropolitan</b>	<b>Aktiviti Ekonomi</b>	<b>Negara</b>
1.	Program Pembangunan Agrikultur The Ondo State (Fasoranti 2006)	Tanaman padi, jagung, ubi kayu dan kacang putih.	Nigeria
2.	Petani Pertanian Terpadu Ternak Sapi Perah dan Kelapa Sawit di Kabupaten Pelalawan Provinsi Riau (Siswati & Rizal 2017)	Program bersepadu tanaman ladang kelapa sawit dan ternakan lembu	Indonesia
3.	Program Agropolitan di Wilayah Bangli, Wilayah Kuningan dan daerah Batu (Rosdiana et al. 2013)	Tanaman keledak, kopi Arabica dan limau	Indonesia
4.	Kawasan Agropolitan Belajen, Daerah Enrekang (Haeruddin et al. 2018)	Tanaman pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan	Indonesia
5.	Pembangunan Agropolitan di Sendang Village, Tulungnagung Jawa Timur (Rita 2019)	Tanaman agrikultur dan ternakan lembu dan kambing.	Indonesia
6.	Kawasan Agropolitan Karacak (Oryzanti et al. 2018)	Tanaman manggis	Indonesia
7.	Rangkaian pekan kecil Banepa dan perkampungan Opi dan Devitar (Bhishna 1995)	Tanaman gandum, kentang, keladi dan buah-buahan	Nepal
8.	29 Wilayah Agropolitan di Indonesia (Iwan 2008)	Pelbagai jenis tanaman, ternakan dan perikanan	Indonesia
9.	Khezri Farm Corporation dan Islamabad Farm Corporation di Daerah Kecil Nimbolok (Seyed et al. 2014)	Pelbagai jenis tanaman bijiran seperti gandum, barli dan jagung	Iran

Dalam konteks Malaysia, Program Agropolitan merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Malaysia khusus untuk masyarakat luar bandar bagi membasmi kemiskinan melalui inisiatif berasaskan program peningkatan pendapatan dan peningkatan kualiti hidup serta membangunkan kawasan luar bandar. Program ini mula dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2007 dengan menasaskan masyarakat luar bandar sebagai peserta program. Kaedah pelaksanaan program ini turut berbeza mengikut lokaliti program dimana program-program yang ditawarkan adalah mengikut kesesuaian lokaliti berkenaan seperti penanaman kelapa sawit, penanaman getah, ternakan kambing dan ternakan hidupan laut. Sejak diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2007, kerajaan telah mewujudkan sebanyak 19 Program Agropolitan di seluruh negara yang dilaksanakan oleh 2 kementerian utama iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Jabatan Perdana

Menteri (JPM) seperti di Jadual 3. Namun demikian, hanya Program Agropolitan Runchang sahaja yang melibatkan masyarakat Orang Asli sebagai peserta program sepenuhnya.

Jadual 3. Program Agropolitan di Malaysia


Bil	Agropolitan	Lokasi	Kementerian/ Agensi	Aktiviti Ekonomi
1	Agropolitan Pitas	Pitas, Sabah	PM/SEDIA	Getah & Perikanan
2	Agropolitan Tongod	Tongod, Sabah	JPM/SEDIA	Sawit
3	Agropolitan Kemabong	Kemabong, Sabah	JPM/SEDIA	Getah
4	Agropolitan Gana	Kota Marudu, Sabah	KPLB/FELCRA	Getah
5	Agropolitan Pulau Banggi	Kudat, Sabah	KPLB/FELCRA	Getah
6	Agropolitan Batang Sadong	Kota Samarahan, Sarawak	KPLB/FELCRA	Sawit
7	Agropolitan Batang Lupar	Sri Aman, Sarawak	KPLB/FELCRA	Sawit
8	Agropolitan Pulau Bruit	Mukah, Sarawak	KPLB/FELCRA	Sawit
9	Agropolitan Ganda	Gerik, Perak	KPLB/RISDA	Getah
10	Agropolitan Gahai	Lipis, Pahang	KPLB/RISDA	Getah
11	Agropolitan Chemomoi	Bentong, Pahang	KPLB/RISDA	Getah
12	Agropolitan Gunung Sadok, Ulu Awik	Saratok, Sarawak	KPLB/RISDA	Getah
13	Agropolitan Nanga Sekuau	Sibu, Sarawak	KPLB/RISDA	Getah
14	Agropolitan Sik	Sik, Kedah	KPLB/KEDA	Getah
15	Projek Agropolitan Pekan Batu 8 Lepar	Batu 8 Lepar, Pahang	JPM/ECERDC	Penternakan Biri-biri
16	Projek Agropolitan Pekan Tanjung Batu	Nenasi, Pahang	JPM/ECERDC	Sawit
17	Projek Agropolitan Pekan Runchang	Runchang, Pahang	JPM/ECERDC	Penternakan Biri-biri
18	Projek Agropolitan Besut-Setiu (BSA)	Besut-Setiu, Terengganu	JPM/ECERDC	Penternakan Biri-biri
19	Projek Agropolitan Kelantan Selatan (SKA)	Gua Musang, Kelantan	JPM/ECERDC	Sawit

*Sumber:* ICU JPM (2018)

Menurut Buang et. al. (2011), Program Agropolitan berpotensi untuk memperkasakan ekonomi kumpulan miskin yang disasarkan melalui kerangka peningkatan pendapatan yang dilakukan di bawah program ini. Yusof et al. (2014) juga turut menyatakan bahawa Program Agropolitan mampu memperkasakan ekonomi peserta melalui kaedah meningkatkan pendapatan yang turut menyumbang kepada peningkatan tahap kualiti hidup yang baik. Ini disokong melalui kajian Mohd Khairi et al. (2019) yang menyatakan bahawa Program Agropolitan Gahai yang terletak di Lipis Pahang telah berjaya membasmi miskin tegar dalam kalangan peserta sejak dilaksanakan pada tahun 2007 di mana sebanyak 88.1% isi rumah peserta Agropolitan Gahai berjaya keluar daripada status miskin tegar. Walau bagaimanapun, terdapat juga projek berkonsepkan Agropolitan yang gagal seperti di Kenya akibat daripada kelemahan agihan kuasa dan tanggungjawab fiskal kerajaan serta kegagalan menarik pelabur menyebabkan projek tersebut tidak lestari untuk beroperasi dalam tempoh yang panjang (Otiso 2005).

Menurut ECERDC (2011), matlamat utama Program Agropolitan tidak terhad kepada meningkatkan taraf hidup peserta, tetapi turut merangkumi penawaran peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk tempatan. Ini dilihat melalui objektif penubuhan Agropolitan di bawah

ECERDC (2011) iaitu untuk meransang tahap ekonomi penduduk berstatus miskin tegar dalam wilayah ECER, mengeluarkan isi rumah daripada kawasan kemiskinan, melibatkan penglibatan kepada seluruh isi rumah, meningkatkan pendapatan isi rumah kepada RM1,000.00 – RM2,000.00 dan membentuk sebuah komuniti yang kompetitif dan berdaya saing. Mekanisme projek-projek Agropolitan yang dilaksanakan di bawah ECERDC adalah seperti yang ditunjukkan di Rajah 1. Sumber dan dana akan disalurkan oleh ECERDC, kerajaan negeri dan pelabur kepada agensi pelaksana seperti FELDA dan KESEDAR bagi menguruskan pengoperasian sesebuah projek Agropolitan. Agensi pelaksana kemudiannya bertanggungjawab daripada aspek pengurusan program, pengurusan kewangan dan merangka aktiviti-aktiviti serta komponen yang dilaksanakan dalam Program Agropolitan. Aktiviti-aktiviti dan komponen dalam Program Agropolitan ini adalah merangkumi ternakan haiwan, tanaman ladang, komponen fizikal dan pembangunan sumber manusia. Komponen fizikal terdiri daripada pembinaan lot perumahan yang lengkap dengan kemudahan asas seperti air dan elektrik, kemudahan awam untuk peserta seperti surau, dewan serbaguna dan taman permainan serta pembinaan pusat perniagaan. Pembangunan sumber manusia pula merangkumi aspek latihan, pembangunan kemahiran dan perniagaan. Ahli-ahli keluarga peserta juga dapat terlibat secara tidak langsung melalui aktiviti ladang berkumpulan, berniaga di lot-lot kedai yang disediakan dan mengusahakan aktiviti di luar ladang seperti eko-pelancongan, aquafonik dan sebagainya




Rajah 1. Mekanisme Program Agropolitan dibawah ECERDC

*Sumber:* Yusof et al. (2014)

Walau bagaimanapun, mekanisme pelaksanaan Program Agropolitan di Runchang mempunyai sedikit perbezaan di mana tiada penglibatan ahli keluarga peserta secara langsung dalam Program Agropolitan seperti di Rajah 2. Namun demikian, ahli keluarga peserta masih boleh melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah koperasi peserta seperti sewaan kedai untuk berniaga, homestay dan agro-pelancongan. Program Agropolitan Runchang juga telah mula meluaskan skop perniagaan mereka dalam sektor daging premium di mana daging kambing biri-biri ini akan dipotong secara potongan premium sebelum dijual kepada pelanggan. Selain itu, penjualan



kambing secara terus kepada pelanggan masih dibuat selain penjualan rumput *fodder* mengikut permintaan pelanggan



Rajah 2. Mekanisme Program Agropolitan Rungtong  
 Sumber: Kajian Lapangan (2021)

**Ulasan Literatur**


**Kualiti Hidup**

Kualiti hidup merupakan suatu keadaan multi-dimensi yang tidak dapat ditakrifkan secara langsung (Diener & Suh 1997) di mana ia bertindih dengan konsep lain seperti perkembangan masyarakat/manusia, kualiti sosial, taraf hidup dan sebagainya. Pertubuhan Kesihatan Dunia atau lebih dikenali sebagai *World Health Organization* (WHO 2020) mentakrifkan kebanyakan definisi kualiti hidup kini lebih merujuk kepada pengukuran pendapatan kerana secara kasarnya sebarang usaha yang digunakan untuk meningkatkan pendapatan akan menyumbang kepada peningkatan elemen-elemen yang digunakan untuk mengukur kualiti hidup (Yusof et al. 2014).

Namun demikian, terdapat pelbagai perbezaan tanggapan dalam mendefinisikan kualiti hidup memandangkan ianya bersifat subjektif dan boleh diterjemahkan kepada pelbagai dimensi bergantung kepada pelbagai faktor seperti persekitaran, permasalahan, latar belakang dan sebagainya (Samruhaizad, Jamaluddin & Azahan 2014). Menurut Yew, Saiful Farisin & Mohd Rusydi (2019), terdapat empat (4) aspek yang boleh digunakan bagi membentuk kriteria untuk mengukur tahap kualiti hidup Orang Asli iaitu aspek infrastruktur dan utiliti asas, sosioekonomi termasuk pendapatan, pendidikan dan juga kesihatan. Skevington (2008) pula cenderung untuk meletakkan hubungan antara pendapatan dan kesihatan sebagai elemen asas yang mengukur kualiti hidup. Haryati (2020) turut meletakkan keperluan asas penduduk sebagai indikator untuk mengukur kesejahteraan atau kualiti hidup yang merangkumi aspek pekerjaan, pendapatan, pemakanan, perumahan, kesihatan, pendidikan dan penyediaan kemudahan infrastruktur. Kombinasi antara elemen pendapatan, kesihatan dan akses kepada kemudahan asas seperti bekalan air terawat, bekalan elektrik, tempat tinggal dan pemilikan

kenderaan juga boleh digunakan sebagai indikator pengukuran kualiti hidup secara menyeluruh (Mohd Fauzi & Nor Aini 2012). Molpeceres-Abella & Garcia-Lapresta (2016) pula telah mencadangkan konsep *Composite Measure of Quality of Life* (CMQ) sebagai kaedah pengukuran tahap kualiti hidup yang merangkumi 7 dimensi utama iaitu keadaan material kehidupan, ketaksamaan, status kesihatan, modal insan dan pekerjaan, modal sosial, keselamatan peribadi dan kualiti alam sekitar.

Bagi menilai tahap kualiti hidup di Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU JPM) telah membangunkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) pada tahun 1999 untuk mengukur kemajuan negara melangkaui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Seiring dengan peredaran zaman, IKHM sentiasa diberikan penambahbaikan bagi memberi gambaran taraf kualiti hidup sosio-ekonomi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama dengan lebih tepat. Perkembangan ekonomi Malaysia yang pesat ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menyebabkan indikator-indikator IKHM diperhalusi semula untuk diperkukuhkan agar lebih menyeluruh. Hasilnya, EPU JPM telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2012 bagi menggantikan IKHM berdasarkan kepada indeks dan indikator domestik serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan mengambil kira Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi dan terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang kaum (EPU JPM 2013). IKRM yang dibangunkan sebagai indeks komposit terdiri daripada 2 komponen indeks sub-komposit iaitu indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial seperti di Rajah 3.



Rajah 3. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2012

### Pemeriksaan Ekonomi Dan Sosial

Pemeriksaan merupakan suatu proses mekanisme oleh manusia, organisasi dan komuniti dalam memperoleh penguasaan terhadap sesuatu kemahiran sepanjang kehidupan mereka (Rappaport 1984). Pendekatan pemeriksaan dalam mereka bentuk intervensi, pelaksanaan dan penilaian telah mentakrifkan semula peranan hubungan kumpulan profesional yang menjadi sumber rujukan kepada komuniti dan populasi yang telah disasarkan. Mekanisme pemeriksaan adalah merangkumi kecekapan individu dan sikap proaktif, sistem bantuan semula jadi dan keberkesanan organisasi serta kecekapan masyarakat dan akses kepada sumber. Menurut Friedman (1992), pemeriksaan merupakan suatu proses yang merujuk kepada seluruh isi rumah menggunakan kekuatan sosio-politik dan psikologi yang lebih besar seperti pengetahuan, kemahiran, suara, tindakan kolektif dan keyakinan diri.


Pemeriksaan tidak hanya terhad menjadi medium untuk meningkatkan kecekapan tetapi juga sebagai perlambangan untuk transformasi sosial yang mendasar.

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia tahun 2012 (EPU JPM 2013) telah menggariskan 2 elemen sub-komposit bagi mengukur tahap kualiti hidup iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Elemen kesejahteraan ekonomi kemudiannya diperincikan lagi kepada komponen kecil iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja dan pendapatan dan pengagihan. Elemen kesejahteraan sosial pula diperincikan kepada komponen perumahan, liburan, tadbir urus, keselamatan awam, penyertaan sosial, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga. IKRM ini kemudiannya diolah dan diselaraskan dengan objektif penubuhan Agropolitan yang ditetapkan oleh ECERDC (2011) bagi membentuk indikator pengukuran Program Agropolitan Runchang seperti di Jadual 4.

Jadual 4. Indikator Pengukuran Program Agropolitan Runchang

Elemen	Komponen
<b>Kesejahteraan Ekonomi</b>	i. Pendapatan & Pengagihan
	ii. Persekitaran Kerja
	iii. Pendidikan
<b>Kesejahteraan Sosial</b>	i. Kesihatan
	ii. Perumahan
	iii. Alam Sekitar
	iv. Keselamatan Awam

Rangkuman kepada kedua-dua elemen kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial ini kemudiannya akan membentuk satu persepsi kualiti hidup bagi menilai kesan Program Agropolitan kepada kualiti hidup masyarakat Orang Asli dalam kajian ini seperti Rajah 4.



Rajah 4. Kerangka konseptual kajian

**METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menilai tanggapan responden terhadap Program Agropolitan Runchang berdasarkan borang soal selidik yang diberikan. Seramai 63 keluarga yang terdiri daripada 189 Orang Asli telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk terlibat dalam Program Agropolitan Runchang ini. Secara umumnya, borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merupakan maklumat berkaitan latar

belakang responden. Bahagian B pula merupakan maklumat intipati kajian berkaitan dengan maklumbalas responden berkaitan penglibatan dalam Program Agropolitan Runchang. Bagi item di Bahagian B, penyelidik telah memilih untuk menggunakan Skala Likert sebagai pilihan jawapan responden. Melalui penggunaan Skala Likert, responden telah diberi 5 pilihan jawapan untuk menilai tahap mana mereka bersetuju dengan pernyataan yang diberikan dalam borang soal selidik.

## DAPATAN KAJIAN

Program Agropolitan Runchang merupakan sebahagian daripada program di bawah Program Agropolitan yang dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh Malaysia. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk membasmi miskin tegar dan meningkatkan kualiti hidup rakyat yang terlibat sebagai peserta program. Program Agropolitan Runchang merupakan satu-satunya program Agropolitan yang melibatkan Orang Asli sepenuhnya sebagai kumpulan sasaran. Seramai 63 Orang Asli telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Pahang sebagai peserta Program Agropolitan Runchang. Aktiviti ekonomi yang dijalankan di Program Agropolitan Runchang adalah ternakan bebiri Dorper. Dalam kajian ini, kombinasi Model Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang dibangunkan oleh EPU (2013) dan Model Program Agropolitan (ECERDC 2011) telah digunakan. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia telah menggariskan dua (2) elemen utama bagi menilai kualiti hidup iaitu elemen pemerikasaan ekonomi dan elemen pemerikasaan sosial. Dua (2) elemen ini kemudiannya diperincikan lagi dengan indikator-indikator yang telah disesuaikan dengan Model Program Agropolitan (ECERDC 2011) lalu membentuk indikator pendapatan dan pengagihan, indikator persekitaran kerja dan indikator pendidikan yang diletakkan di bawah elemen pemerikasaan ekonomi. Bagi elemen pemerikasaan sosial pula, indikator yang telah dikenal pasti adalah indikator kesihatan, indikator perumahan, indikator alam sekitar dan indikator keselamatan awam. Analisis bagi indikator-indikator di bawah dua (2) elemen ini kemudiannya dianalisis dan dihubungkan dengan persepsi kualiti hidup bagi mengenal pasti hubungan antara elemen pemerikasaan ekonomi dan elemen pemerikasaan sosial dengan persepsi kualiti hidup. Ringkasan keseluruhan purata nilai min adalah seperti di Jadual 5

Jadual 5. Ringkasan Keseluruhan Purata Nilai Min

<b>Elemen</b>	<b>Indikator</b>	<b>Purata Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
<b>Pemerikasaan Ekonomi</b>	Pendapatan & Pengagihan	4.18	Tinggi
	Persekitaran Kerja	3.86	Sederhana
	Pendidikan	4.29	Tinggi
	Purata	4.11	Tinggi
<b>Pemerikasaan Sosial</b>	Kesihatan	4.15	Tinggi
	Perumahan	4.51	Tinggi
	Alam Sekitar	3.99	Sederhana
	Keselamatan Awam	3.78	Sederhana
	Purata	4.11	Tinggi
<b>Persepsi Kualiti Hidup</b>		4.27	Tinggi

## Elemen Pemerksaan Ekonomi

Hasil dapatan dan analisis kajian seperti di Jadual 5 telah mendapati bahawa elemen pemerksaan ekonomi yang dilaksanakan Program Agropolitan Runchang berada pada paras tinggi dengan purata nilai min = 4.11. Elemen ini diukur berdasarkan kepada tiga (3) indikator iaitu indikator pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja dan pendidikan. Daripada ketiga-tiga indikator tersebut, dua (2) indikator mempunyai tahap tinggi iaitu indikator pendidikan dengan purata nilai min=4.29 dan indikator pendapatan dan pengagihan dengan purata nilai min = 4.18 manakala indikator persekitaran kerja mempunyai tahap sederhana iaitu purata nilai min = 3.86. Indikator persekitaran kerja hanya mempunyai tahap sederhana dengan purata nilai min = 3.86.

Dapatan kajian ini membuktikan Program Agropolitan Runchang berjaya memperkasakan peserta Orang Asli yang terlibat sebagai pesertanya dalam aspek ekonomi. Fokus utama Program Agropolitan yang menasaskan pembasmian miskin tegar juga dilihat berjaya melalui kemampuan Program Agropolitan Runchang membantu meningkatkan pendapatan pesertanya dan majoriti peserta berjaya memperoleh pendapatan melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional Tahun 2005 sebanyak RM980.00 iaitu kayu pengukur sewaktu di awal perancangan dan pelaksanaan Program Agropolitan ini. Peserta Agropolitan ini juga mempunyai pendapatan tetap yang terjamin, tetapi tertakluk kepada jumlah hari peserta hadir bekerja memandangkan kadar gaji yang dibayar adalah sebanyak RM28.00 sehari untuk tempoh bekerja selama 5 jam. Peserta juga turut dibayar elaun kehadiran sebanyak RM80.00 sebulan sekiranya berjaya hadir sekurang-kurangnya 28 hari pada bulan tersebut. Pengurusan Agropolitan turut menawarkan kadar bayaran yang lebih tinggi kepada Ketua Kerja Kumpulan dan pemandu jentera iaitu sebanyak RM44.00 sehari. Selain itu juga, pengurusan Agropolitan turut menawarkan elaun tambahan kepada peserta-peserta Program Agropolitan Runchang untuk melakukan kerja seperti di Jadual 6.

Jadual 6. Kerja Yang Menawarkan Elaun Tambahan Peserta

Bil.	Jenis Kerja	Bayaran
1.	Memotong rumput <i>fodder</i>	RM60.00/tan
2.	Menyelenggara kawasan tanaman rumput <i>fodder</i>	RM200.00/hektar
3.	Memproses rumput <i>silage</i>	RM5.00/tong
4.	Kontrak mesin rumput	RM1,700.00*/kontrak

\*tertakluk kepada nilai kontrak yang ditawarkan

Berdasarkan kepada Jadual 6, pengurusan Agropolitan turut menawarkan bayaran elaun tambahan untuk kerja-kerja pemotongan rumput *fodder* dengan kadar RM60.00 per tan. Kadar bayaran untuk penyelenggaraan kawasan tanaman rumput *fodder* yang merangkumi kerja-kerja membaja dan pembersihan pula adalah sebanyak RM200.00 per hektar di mana jumlah keluasan kawasan tanaman rumput *fodder* yang perlu diselenggara adalah seluas 44 hektar. Rumput-rumput *fodder* yang telah dipotong dan dijadikan rumput *silage* pula akan menerima bayaran sebanyak RM5.00 per tong. Rumput *silage* ini biasanya disimpan sebagai makanan ternakan pada musim hujan atau dijual sekiranya terdapat permintaan. Pengurusan Agropolitan turut menawarkan kerja kontrak pemotongan rumput dengan bayaran sebanyak RM1,700.00 per kontrak tertakluk kepada nilai kontrak yang ditawarkan. Maka, sekiranya terdapat peserta yang berminat untuk melakukan kerja tersebut, peserta boleh membentuk sebuah kumpulan dan bayaran tersebut akan dibahagikan mengikut jumlah ahli kumpulan yang mengambil bahagian. Contohnya, sekiranya ada empat (4) orang peserta yang mengambil kontrak tersebut, seorang peserta akan menerima bayaran sebanyak RM425.00. Tawaran kerja yang memberikan elaun tambahan kepada peserta ini turut menjelaskan tentang sebahagian responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM1,000.00.

Keadaan ini jauh lebih baik berbanding sebelum peserta ini menyertai Program Agropolitan Runchang di mana kebanyakan daripada mereka hanya memperoleh pendapatan daripada aktiviti pertanian, menangkap ikan dan jualan hasil hutan kepada peraih. Kemampuan peserta Agropolitan Runchang ini untuk memiliki kenderaan sama ada kereta atau pun motorsikal serta telefon pintar juga menunjukkan Orang Asli ini sudah mempunyai kemampuan berbelanja yang lebih baik untuk

memenuhi keperluan hidup mereka. Tambahan pula, bekerja dalam Program Agropolitan Runchang ini membolehkan peserta untuk menerima penyata pendapatan daripada Agropolitan dan keyakinan pihak bank untuk menawarkan pinjaman kepada mereka turut membuktikan tahap pendapatan yang stabil bagi peserta Orang Asli di Agropolitan Runchang ini.

Majoriti peserta Orang Asli yang menyertai Program Agropolitan Runchang ini hanya mempunyai latar belakang pendidikan sekolah rendah dan tidak bersekolah manakala sebahagian kecil sahaja yang mempunyai pendidikan sekolah menengah. Perkara ini mungkin disebabkan kurang pendedahan akan kepentingan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli ini menyebabkan proses pembelajaran mereka amat terhad dan terhenti pada peringkat sekolah rendah. Namun demikian, penyertaan mereka dalam Program Agropolitan dilihat berjaya memberikan mereka kesedaran akan kepentingan untuk memastikan anak-anak Orang Asli ini menerima pendidikan yang sewajarnya walaupun diri mereka tidak mempunyai latar pendidikan yang baik. Bahkan, inisiatif Agropolitan Runchang mewujudkan tadika Kemas di dalam kawasan penempatan peserta dan memberikan galakan penuh kepada peserta untuk menghantar anak mereka ke tadika secara tidak langsung memberikan kesedaran kepada peserta Orang Asli ini akan kepentingan pendidikan sejak dari kecil lagi. Komitmen peserta Orang Asli ini dalam menghantar anak-anak mereka ke tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah turut membuktikan pemerkasaan Orang Asli dalam aspek pendidikan ini.

Secara keseluruhannya, pemerkasaan Orang Asli di bawah elemen ekonomi ini berjaya dilaksanakan oleh Program Agropolitan Runchang melalui pembuktian di bawah indikator pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja dan pendidikan sekaligus menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih baik. Namun demikian, penyelidik berpendapat keadaan ekonomi peserta Orang Asli ini akan lebih baik sekiranya mereka lebih konsisten dan memberi lebih komitmen untuk hadir bekerja dengan melihat kepada purata jumlah hadir bekerja semasa iaitu sekitar 21 hari sebulan sahaja berbanding sasaran Agropolitan sebanyak 28 hari sekaligus melayakkan mereka untuk mendapatkan tambahan elaun kehadiran yang diberikan oleh pengurusan Agropolitan.

### **Elemen Pemerkasaan Sosial**

Berdasarkan kepada hasil dapatan dan analisis kajian seperti di Jadual 5, mendapati elemen pemerkasaan sosial yang dilaksanakan Program Agropolitan Runchang juga berada pada tahap tinggi dengan purata nilai min = 4.11. Elemen pemerkasaan sosial ini diukur berdasarkan kepada empat (4) indikator iaitu indikator kesihatan, indikator perumahan, indikator alam sekitar dan indikator keselamatan awam. Bagi elemen ini, dua (2) indikator berada pada tahap tinggi iaitu indikator kesihatan dengan purata nilai min = 4.15 dan indikator perumahan dengan purata nilai min = 4.51 manakala dua (2) indikator lagi berada pada tahap sederhana iaitu indikator alam sekitar dengan purata nilai min = 3.99 dan indikator keselamatan awam dengan purata nilai min = 3.78.

Program Agropolitan Runchang juga dilihat berjaya memperkasakan peserta Orang Asli ini dalam aspek sosial. Kemudahan perumahan yang disediakan dalam Agropolitan Runchang ini membolehkan peserta Orang Asli ini untuk menikmati kemudahan rumah yang selesa dan dilengkapi dengan kemudahan asas iaitu bekalan air terawat dan bekalan elektrik. Keadaan dan susun atur rumah peserta yang tersusun dan dilengkapi dengan jaringan jalan raya serta sistem perparitan yang baik mewujudkan keadaan kediaman yang lebih selesa kepada peserta Orang Asli ini. Kawasan penempatan yang turut dilengkapi dengan kemudahan awam seperti taman permainan, padang, tadika dan dewan turut membolehkan komuniti Orang Asli di sini untuk beriadah dan menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dalam kawasan Agropolitan Runchang. Keadaan serba lengkap dalam Agropolitan Runchang ini membolehkan peserta Orang Asli di sini menjalani kehidupan harian dalam kediaman dan persekitaran tempat tinggal yang lebih selesa. Bahkan, terdapat peserta Orang Asli di sini yang berkemampuan untuk melanggan siaran televisyen satelit berbayar ASTRO sebagai salah satu bentuk hiburan tambahan di rumah mereka.

Akses kepada kemudahan kesihatan yang baik yang dinikmati oleh peserta Agropolitan Runchang juga menunjukkan satu keadaan tahap kualiti hidup yang baik. Lokasi Program Agropolitan Runchang yang strategik dan berhampiran dengan klinik kesihatan dan hospital memudahkan peserta

Orang Asli ini mendapatkan rawatan yang diperlukan. Bagi kes-kes kesihatan yang asas seperti demam, batuk, selsema dan sebagainya, peserta Orang Asli ini boleh mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Runchang yang terletak hanya lebih kurang 4.4 km sahaja dari penempatan Agropolitan Runchang. Bagi kes-kes kesihatan yang lebih serius, peserta Agropolitan boleh mendapatkan rawatan lanjut di Hospital Muadzam Shah yang terletak lebih kurang 32.3 km dari penempatan Agropolitan Runchang. Dengan adanya fasiliti-fasiliti kesihatan dan ubat-ubatan moden yang dapat diakses secara terus oleh peserta Orang Asli ini, pesakit dapat menerima rawatan dengan segera mengikut tahap keseriusan penyakit yang dihidapi.

Peserta Orang Asli Agropolitan Runchang ini berpendapat indikator alam sekitar hanya berada pada tahap sederhana kerana didapati perkhidmatan kutipan sampah di bawah pihak berkuasa tempatan tidak meliputi kawasan Agropolitan Runchang ini. Namun demikian, ini tidak bermakna kawasan persekitaran Agropolitan kotor dengan timbunan sampah. Bagi mengatasi masalah ini, pengurusan Agropolitan telah mengorek sebuah lubang yang besar untuk para penduduk membuang sampah domestik harian mereka. Apabila lubang tersebut telah dipenuhi dengan sampah, lubang tersebut kemudiannya akan dikambus semula dan lubang lain pula akan dikorek sebagai tempat pembuangan sisa sampah domestik yang baharu. Melalui cara ini, pengurusan sampah di Agropolitan Runchang lebih teratur berbanding sekiranya pelupusan sampah dibiarkan untuk dilupuskan sendiri oleh setiap peserta. Pemothon rumput di kawasan Agropolitan yang dibuat di dalam kawasan Agropolitan yang dilaksanakan secara tawaran kontrak kepada peserta turut membolehkan para peserta Orang Asli ini membuat jadual giliran bagi membolehkan kadar upah yang diterima melalui kontrak tersebut berpadanan dengan kerja yang dilakukan. Oleh yang demikian, selain daripada memastikan alam sekitar terjaga dan bebas daripadaalang dan semak samun, peserta Orang Asli ini juga dapat menjana pendapatan tambahan untuk diri mereka.

Keselamatan Awam pula merupakan indikator yang mempunyai nilai min terendah di bawah elemen pemerksaan sosial ini namun masih berada pada tahap sederhana. Isu utama yang menjadi kekusaran responden adalah masalah pecah rumah dan penyalahgunaan dadah. Namun begitu, setelah penelitian dilakukan bersama responden, realiti sebenar adalah merujuk kepada kes yang berlaku di perkampungan Rancangan Penempatan Semula (RPS) Runchang. Bagi kes pecah rumah pula, pihak pengurusan Agropolitan turut berpandangan pelaku adalah bukan daripada peserta Agropolitan dan berkemungkinan daripada penduduk RPS Runchang juga. Kes terakhir berlakunya kejadian pecah rumah dilaporkan berlaku pada tahun 2019 yang lalu. Memandangkan RPS Runchang dan Agropolitan Runchang berada dalam satu komuniti induk yang sama serta terletak bersebelahan, majoriti penduduk beranggapan kejadian yang berlaku di kedua-dua kawasan ini merupakan isu yang berlaku dan berkaitan dengan Agropolitan. Salah satu sebab yang menyumbang kepada tanggapan ini adalah kemudahan akses keluar masuk oleh penduduk dari RPS Runchang ke kawasan penempatan Agropolitan Runchang sekaligus turut membuka risiko berlakunya kes-kes yang telah disebutkan.

Secara keseluruhannya, pemerksaan Orang Asli di bawah elemen pemerksaan sosial ini turut berjaya dilaksanakan oleh Program Agropolitan Runchang melalui dapatan yang diperolehi daripada indikator kesihatan, perumahan, alam sekitar dan keselamatan awam. Penerapan terhadap kepentingan aspek alam sekitar juga boleh diterapkan agar lebih ramai peserta Orang Asli ini cakna tentang aspek kebersihan serta memberi galakan untuk peserta Orang Asli ini mengambil bahagian di dalam kontrak pemothon rumput agar lebih ramai yang menerima manfaat terutamanya daripada aspek pertambahan pendapatan.

### **Persepsi Kualiti Hidup**

Persepsi kualiti hidup merupakan rangkuman soalan bagi mewakili elemen pemerksaan ekonomi dan elemen pemerksaan sosial yang merangkumi tujuh (7) indikator tersebut. Maklum balas responden menunjukkan persepsi kualiti hidup dalam kalangan peserta Orang Asli Agropolitan Runchang berada pada tahap tinggi dengan purata nilai min = 4.27. Meskipun dalam penilaian elemen pemerksaan ekonomi dan elemen pemerksaan sosial terdapat beberapa indikator yang dinilai pada tahap sederhana, secara keseluruhannya peserta Orang Asli Agropolitan Runchang masih berpandangan kualiti hidup di Agropolitan Runchang adalah baik. Persepsi ini adalah berdasarkan persepsi

keseluruhan yang dialami oleh peserta Orang Asli ini dibandingkan dengan keadaan sewaktu sebelum menyertai Program Agropolitan Runchang di mana jumlah pendapatan yang lebih baik serta tempat kediaman kemudahan asas api dan elektrik yang lengkap serta kemudahan infrastruktur asas dan infrastruktur awam yang baik memberikan satu persepsi kehidupan yang lebih baik.

### **Hubungan antara Elemen Pemerksaan Ekonomi dan Sosial dengan Persepsi Kualiti Hidup**

Hasil daripada analisis kajian lapangan ini mendapati wujudnya hubungan antara elemen pemerksaan ekonomi dan sosial dengan persepsi kualiti hidup. Hal ini menunjukkan peserta Orang Asli yang berjaya diperkasakan dalam aspek ekonomi dan sosial akan mempunyai tahap kualiti hidup yang lebih baik. Maka, dapat diringkaskan hasil dapatan ini kepada tiga (3) jenis interpretasi dalam hubungan kajian ini iaitu hubungan yang kuat, sederhana dan lemah. Perbezaan interpretasi hubungan ini adalah disebabkan faktor setiap indikator dalam elemen pemerksaan ekonomi dan sosial yang mempunyai tahap hubungan yang berbeza. Daripada tujuh (7) indikator yang diuji, hanya indikator pendapatan dan pengagihan di bawah elemen pemerksaan ekonomi sahaja yang mempunyai hubungan yang kuat. Ini mungkin disebabkan oleh faktor yang berkait rapat dengan kewangan dan taraf ekonomi memainkan faktor penting dalam menentukan kualiti hidup. Kemampuan untuk mendapatkan keperluan asas, pemilikan aset dan kenderaan semuanya berkait secara langsung dengan faktor kewangan. Yusuf et al. (2014) melalui kajiannya turut menyatakan akan kepentingan pendapatan dalam memenuhi keperluan asas individu merupakan faktor pengaruh terpenting yang perlu ditambah baik sebelum elemen kualiti hidup yang lain.

Indikator persekitaran kerja di bawah elemen pemerksaan ekonomi serta indikator kesihatan dan indikator perumahan di bawah elemen pemerksaan sosial pula mempunyai hubungan yang sederhana dengan persepsi kualiti hidup. Ini berikutan indikator-indikator ini mungkin dianggap sebagai faktor sokongan dalam menentukan tahap kualiti hidup dalam kalangan peserta Orang Asli ini. Meski pun demikian, indikator-indikator ini tetap diberikan perhatian penting oleh responden yang rata-ratanya berpuas hati melalui penilaian purata nilai min pada tahap tinggi. Isu-isu berbangkit seperti kebenaran untuk melakukan kerja lebih masa yang dihentikan seketika ekoran daripada penularan wabak Covid-19, tahap kesihatan peserta terutamanya bagi kumpulan yang sudah melangkaui umur 40 tahun dan ke atas dan kelesaan rumah yang disediakan untuk ahli isi rumah yang ramai mungkin serba sedikit mempengaruhi penilaian hubungan ini. Walau bagaimanapun, interpretasi hubungan yang sederhana ini juga sudah memadai untuk menunjukkan wujudnya hubungan antara tiga (3) indikator ini dengan persepsi kualiti hidup.

Interpretasi hubungan yang lemah pula melibatkan tiga (3) indikator iaitu indikator pendidikan di bawah elemen pemerksaan ekonomi serta indikator alam sekitar dan indikator keselamatan awam di bawah elemen pemerksaan sosial. Hal ini mungkin disebabkan oleh ketiga-tiga indikator ini tidak memberikan implikasi secara terus kepada peserta Orang Asli ini dalam menunjukkan kualiti hidup yang lebih baik. Indikator pendidikan lebih memfokuskan kepada pembentukan generasi masa hadapan masyarakat Orang Asli yang berilmu agar generasi masa hadapan ini akan memperoleh pendidikan yang baik dan seterusnya mempunyai pekerjaan yang setimpal dengan tahap pendidikan yang baik ini. Indikator alam sekitar pula lebih berfokuskan kepada suasana kediaman dan persekitaran yang bersih agar peserta Orang Asli ini dapat tinggal dengan selesa dalam Agropolitan Runchang. Indikator keselamatan awam pula lebih memfokuskan kepada keadaan persekitaran yang selamat daripada masalah jenayah dan masalah sosial. Namun, disebabkan berlakunya kes-kes seumpamanya dalam kawasan perkampungan RPS Runchang yang terletak bersebelahan dengan Agropolitan Runchang, implikasinya turut dirasai oleh peserta Orang Asli ini. Justeru, meskipun interpretasi hubungannya lemah, namun ianya mencukupi untuk menunjukkan hubungan antara tiga (3) indikator ini dengan persepsi kualiti hidup.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian peranan Program Agropolitan Runchang dalam memperkasakan kualiti hidup Orang Asli memfokuskan kepada dua (2) elemen pemerksaan iaitu elemen pemerksaan ekonomi dan elemen pemerksaan sosial dalam menilai kualiti hidup kesemua 63 orang peserta Orang Asli



Program Agropolitan Runchang terhadap borang soal selidik yang telah dikemukakan. Elemen pemerksaan ekonomi telah diperincikan kepada tiga (3) indikator iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja dan pendidikan manakala elemen pemerksaan sosial pula diperincikan kepada empat (4) indikator iaitu kesihatan, perumahan, alam sekitar dan keselamatan awam. Secara keseluruhannya, pemerksaan Orang Asli melalui dua (2) elemen pemerksaan ekonomi dan sosial ini dilihat berjaya meningkatkan kualiti hidup Orang Asli berbanding sebelum menyertai Program Agropolitan Runchang. Ini dibuktikan melalui purata nilai min bagi elemen pemerksaan ekonomi yang berada pada tahap tinggi dan purata nilai min bagi elemen pemerksaan sosial yang juga berada pada tahap tinggi. Penilaian persepsi kualiti hidup terhadap responden juga dilihat berjaya melalui purata nilai min yang juga berada pada tahap tinggi. Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, elemen pemerksaan ekonomi dan sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi kualiti hidup. Ini membuktikan bahawa elemen pemerksaan ekonomi dan sosial yang baik serta memberikan kesan positif kepada Orang Asli akan menghasilkan kualiti hidup yang lebih baik. Sumbangan kajian ini juga dilihat daripada perspektif pemilik program yang menyatakan bahawa kajian ini dapat membantu ECERDC selaku pemilik program untuk menilai pelaksanaan Program Agropolitan Runchang bagi mengenal pasti potensi dan keberkesanan pelaksanaan program ini kepada peserta Orang Asli.

## PENGHARGAAN

Sebahagian daripada elemen kajian ini berkaitan dengan geran penyelidikan EP-2020-034.

## RUJUKAN

- Alagesh T.N. 2014. Orang Asli Enjoy Higher Income, Better Quality Of Life. <https://www.nst.com.my/news/2015/09/orang-asli-enjoy-higher-income-better-quality-life> [6 Disember 2014]
- Amriah Buang, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh & Ratnawati Yuni Suryandari. 2011. The Agropolitan Way of Re-Empowering the Rural Poor. *World Applies Sciences Journal* (SIHDD) 13: 01-06
- Azlina Mohd Khir, Nobaya Ahmad, Muhd Dhamir Audi Azizul, Asnarulkhadi Abu Samah & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. 2019. Sikap Terhadap Program Peningkatan Pendapatan dan Perubahan kepada Sosio-Ekonomi Peserta Orang Asli. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 4(6):11-21.
- Bhishna, Nanda Bajracharya. 1995. Promoting Small Towns for Rural Development: A View from Nepal. *Asia-Pacific Population Jurnal* 10(2):27-50.
- Diener, E., & Suh, E. 1997. Measuring Quality of Life: Economic, Social And Subjective Indicators. *Social Indicators Research* 40-41.
- Ery Jayanti, Said Muhammad, B.S. Nazamuddin, T. Zulham & M.Shabri Abd.Majid. 2019. Does Quality of Life Matter For Achieving Sustainable Development Goals in Indonesia? *Regional Science Inquiry* 11(3):119-132.
- Fasoranti, O.O. (2006). Impact Of Agricultural Development Programme (ADP) On The Quality Of Social Existence Of Rural Dwellers In Developing Economies: The Ondo State (Nigeria) Agricultural Development Programme Experience. *International Journal of Rural Management* 2(2):213-226.
- Friedman, J. & Douglass M. 1978. Agropolitan Development: Towards a New Strategy for Regional Planning in Asia. In: F.L.O and K. Salih (Eds) *Growth Pole Strategy and Regional Development Policy*, hlm. 163-192. Oxford: Pergamon Press.
- Friedman, J. 1979. Basic Needs, Agropolitan Development and Planning from Below. *World Development* 7: 607-613
- Friedman, J. 1992. *Empowerment: the Politics of Alternative Development*. Oxford: Basil Blackwell
- Haeruddin Saleh, Chalid Imran Musa & Muhammad Azis. 2018. Development of Agropolitan Area Based On Local Economic Potential: A Case Study of Belajen Agropolitan Area, Enrekang District. *IOSR Journal of Research & Method in Education*, 8(2):01-11.
- Haliza Abdul Rahman. 2018. World View Masyarakat Orang Asli Dan Pelestarian Alam Sekitar. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya*.

- Junaidi Awang Besar, Yew, V.W.C., Novel Lyndon, Azima Abdul Manaf & Zaimah Ramli. 2016. The empowerment of indigenous youth in oil palm industry. *International Journal of Economic Perspectives* 1-5.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Lee Hou Zei, Vivien W.C. Yew, Azima A.M., Mal Kong Sia & Geraldine K.L. Chan. (2018). Perubahan sosioekonomi komuniti orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang. *GEOGRAFLA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 14(4):127-141
- Mohamad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad. 2009. Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli. Dlm. Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*, hlm 47-58. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj Idris. 2012. Kualiti hidup orang asli: pengukuran melalui indeks kualiti hidup orang asli berwajaran. *Akademika* 82(1), 65-69.
- Mohd Khairi Ismail, Chamhuri Siwar & Rospidah Ghazali. 2018. Gahai Agropolitan Project in Eradicating Poverty: Multidimensional Poverty Index. *Journal of the Malaysian Institute of Planners* 16(3): 97-108.
- Molpeceres-Abella, M. & Garcia-Lapresta, J.L. 2016. Quality of Life and Poverty: Measurement and Comparability. *International Journal of Uncertainty, Fuzziness and Knowledge-Based Systems* 24(1):63-85
- Novel Lyndon; Er, Ah Choy; Sivapalan Selvadurai; Mimi Hanida Abdul Mutalib; Zaidah Mustapha, & Aishah@Eshah Mohamed. 2012. Pemahaman komuniti Penan tentang makna keperkasaan dalam Program Penempatan Semula (PPS) di Daerah Belaga, Sarawak (Penan community's understanding of the meaning of empowerment in the Resettlement Program (PPS) of Belaga District, Sarawak). *GEOGRAFLA: Malaysian Journal of Society and Space* 8(8): 96-105).
- Otiso, K.M. 2005. Kenya's secondary cities growth strategy at a crossroads: Which way forward? *GeoJournal* 62(1): 117-128.
- Latifa Siswati & M.Rizal. 2017. Peningkatan Pendapatan Petani Pertanian Terpadu Ternak Sapi Perah Dan Kelapa Sawit Di Kabupaten Pelalawan Provinsi Riau. *Jurnal Ilmu-Ilmu Peternakan* 20(2): 51-58.
- Novel Lyndon, AC Er, S Selvadurai, Mimi Hanida AM, Zaidah Mustapha & Eshah Mohamed. 2012. Pemahaman komuniti Penan tentang makna keperkasaan dalam Program Penempatan Semula (PPS) di Daerah Belaga, Sarawak. *GEOGRAFLA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 96-105
- Parwa Oryzanti, Ernan Rustiadi, Eriyatno & Nurul Taufiqu Rochman. 2018. Policy Priorities for the Economic Development in Agropolitan Area of Karacak Based on Mangosteen Agroindustry. *American Journal of Applied Sciences* 15(11):489-496.
- Rappaport, J. 1984. Studies in empowerment: Introduction to the issue. *Prevention in Human Services* 3: 1-7.
- Ronzi Mohd Yusoff, Sharina Abdul Halim & Joy Jacqueline Pereira. 2019. Impak Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Ke Atas Komuniti Orang Asli Jahai Di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3(1):175-182.
- Samruhaizad Samian @ Samion, Jamaluddin Md. Jahi & Azahan Awang, 2014. Isu Perbandaran dan Kualiti Hidup Penduduk Pinggir Bandar. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(1):63-75
- Seow Ta Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syafaat Jamiran, Zainal Zuhlilmi Zainal Abidin & Siti Aminah Mohd Sam. 2013. Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4*. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, 5-6 Mac 2013.
- Seyed Ali Hashemianfar, Shahriyar Paknia & Maryam Sabeti. 2014. Farm Corporations as Agropolitan Development in Iran. *International Journal of Social Sciences* 4(2):51-67.
- Skevington, Suzanne M. 2008. Conceptualising Dimensions of Quality of Life in Poverty. *Journal of Community & Applied Social Psychology* 2009(19): 33-50

- Tarmiji Masron, Fujimaki Masami & Norhasimah Ismail. 2013. Orang Asli in Peninsular Malaysia: Population, spatial distribution and socio-economic condition. *Ritsumeikan Journal of Social Sciences and Humanities* 6: 75–115
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM). 2018. Laporan & Analisis Awal Kajian Agropolitan Seluruh Negara. Slaid. Putrajaya: Bahagian Penilaian Strategik ICU JPM.
- World Health Organisation (WHO). 2020. The World Health Organization Quality of Life (WHOQOL). <https://www.who.int/healthinfo/survey/whoqol-qualityoflife/en/> [15 April 2020]
- Yew, V.W.C. 2015. Collecting qualitative research data on health seeking behaviour of Peninsular Malaysia's aboriginal people. *GEOGRAFLA-Malaysian Journal of Society and Space* 11(11): 45-52.
- Yew, V.W.C., Abd Hair Awang, Sivapalan Selvadurai & Mohd Yusof Hussain. 2018. Mengukur kesejahteraan Orang Asli. Dlm. Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini (pnyt.). *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli Malaysia*, hlm. 29-40. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yew, V.W.C., Saiful Farisin Md Ramlan, Mohd Rusydi Ahmad. 2019. Pendekatan kualitatif untuk memahami kualiti hidup masyarakat orang asli di Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 191-205.
- Yusof Ahmad, Hamid Saad, Eusoff @Yendo Afgani & Naeemah Yusof. 2014. Quality of Life amongst Agropolitan Participant Project: A Malaysian experience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 153(2014): 479 – 490.

Mohd Hafizul Mat Rahim

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: mohdhafizulmr@gmail.com

Noordeyana Tambi, Ph.D

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: deyana@ukm.edu.my

Zaizul Ab Rahman, Ph.D

Pusat Kajian Usuluddin Falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: zaizul@ukm.edu.my

Received: 28<sup>th</sup> November 2023

Accepted: 26<sup>th</sup> March 2024

Published: 30<sup>th</sup> June 2024